

41/KLIA/2025



AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

98 WARGA BANGLADESH DIHALANG MASUK MALAYSIA DALAM OPERASI AWAL PAGI

SEPANG, 15 Ogos 2025 – Pemeriksaan berterusan oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) KLIA pada 15 Ogos 2025 pada awal pagi daripada jam 1 pagi sehingga jam 7.30 pagi ini di Balai Ketibaan Antarabangsa, KLIA Terminal 1 telah menyaksikan 181 pelawat asing diperiksa dan disoal siasat.

Hasilnya, seramai 98 pelawat asing warganegara Bangladesh didapati gagal mematuhi syarat kemasukan dan diberi Notis Penolakan Masuk atau *No-To-Land* (NTL). Sebahagian daripada mereka dikesan sebaik sahaja mendarat menerusi penerbangan dari Dhaka pada awal pagi.

Ketibaan melalui penerbangan pada lewat malam atau awal pagi dipercayai bagi mengelak pemeriksaan berterusan oleh AKPS pada waktu siang.

Antara punca penolakan kemasukan termasuk penggunaan tempahan hotel palsu, ketiadaan tiket pulang, serta kegagalan membuktikan kemampuan kewangan. Kesemua mereka dipercayai berniat menyalahgunakan kemudahan kemasukan untuk tinggal dan bekerja secara tidak sah.

AKPS menegaskan bahawa kawalan pintu masuk akan terus diperketat, operasi pemantauan diperkukuh, dan tindakan tegas tanpa kompromi akan dikenakan terhadap mana-mana pihak, termasuk anggota yang bersubahat membawa masuk warga asing secara tidak sah.

AKPS KLIA akan terus mengesan, menahan, dan menghantar pulang pelawat asing yang tidak layak memasuki negara demi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terpelihara.

Gambar berkaitan : <https://drive.google.com/drive/folders/1hIRZ-PIGyivuWc8tbVCeALN8ro6TSbBa>

TAMAT

15 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI